

17 SEP 1999

Khalil

KHALIL TUNJUK SIFAT "PENGHIBUR"

Oleh: Azman Ujang

TUARAN, 17 Sept (Bernama) -- Setelah tiga hari Kovensyen Kebangsaan Pemuda Barisan Nasional (BN) berlangsung di sini sebagai persiapan menghadapi pilihan raya umum, lebih 300 peserta dari seluruh negara mempunyai sebab jika mereka menunjukkan keletihan, mengantuk atau tertidur ketika sesuatu kertas kerja dibentangkan.

Lebih-lebih lagi malam tadi mereka hanya sempat tidur kurang daripada tiga jam sahaja kerana mempunyai aktiviti sehingga pukul 4 pagi ini.

Tetapi kelainan dalam stail Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakub menyampaikan kertas kerjanya jelas memberi impak sehingga semua peserta kelihatan sentiasa segar, terhibur dan juga tidak kering gusi dengan cerita-cerita seloroh yang diselang-selikan dalam membincangkan satu topik yang serius -- mencari satu "formula kemenangan" bagi BN dalam pilihan raya umum yang diramalkan akan diadakan sebelum akhir tahun ini.

Mungkin menyedari tentang para peserta yang tidak cukup tidur, Khalil memasuki dewan kovensyen di pusat peranginan tepi pantai di Teluk Sabandar dengan memulakan ceramahnya bukan mengenai isu politik tetapi tentang pil Viagra dan Tongkat Ali, kedua-duanya disaran untuk lelaki yang lemah tenaga batin.

"Orang macam saya ni yang berumur di awal 60'an dikatakan berada di peringkat yang paling ganas, tambah lagi dibantu pula sekarang dengan Viagra," katanya disambut dengan sorakan para peserta.

Beliau memberitahu mengenai seorang lelaki yang menelan dua biji pil Viagra sehingga seluruh anggota badannya menjadi tegang sambil menasihati orangramai supaya jangan mudah terpedaya dengan pelbagai jenis akar kayu yang diperagakan kononnya untuk menguatkan tenaga batin mereka.

"Saya dengar cerita di Pahang pada suatu ketika dahulu bekalan akar kayu kehabisan sehingga ada yang menjual akar kayu dari pokok kelapa dengan harga RM50 yang kononnya ialah akar kayu Tongkat Ali," tambah beliau yang menghingarkan lagi suasana dalam dewan itu.

Khalil, yang menjadi Pengarah Pilihan Raya Negeri Sabah yang diadakan Februari tahun ini, berkata oleh kerana beliau terpaksa tinggal di Sabah lebih sebulan ketika kempen pilhan raya itu, komen daripada isterinya ialah beliau bercakap dengan loghat Sabah.

"Saya bercakap macam orang Sabah...isteri saya bertanya sama ada saya ada isteri muda di Sabah. Tidak ada, saya cuma ada satu isteri sahaja.

"Saya beritahu dia, mana ada makanan yang paling sedap melainkan makanan di rumah sahaja. Barulah dia tidak cemburu lagi," katanya.

Berlainan dengan kertas kerja yang biasa dibentangkan, Khalil hanya mencatatkan tajuk perbincangan yang ringkas dalam kertas kerjanya yang diagihkan terlebih dahulu kepada peserta yang mewakili 14 parti komponen BN.

Khalil juga di sepanjang ceramahnya beberapa kali meminta peserta supaya berdiri tegak, kadang kala menghentak kaki mereka bagi memastikan mereka memberi perhatian sepenuhnya terhadap perjalanan konvensyen itu.

Beralih kepada perkara yang lebih serius, beliau berkata pilihan raya kali ini berhadapan dengan isu-isu yang "begitu sensitif dan komplikated" yang memerlukan semua penceramah yang mewakili BN memahami betul-betul latar-belakang dan perspektif isu-isu berkenaan agar dapat meyakinkan para pengundi. Ini termasuk isu yang membabitkan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau lantas berkata semua penceramah BN harus mengekalkan budaya BN

iaitu kesederhanaan berbanding cara maki-hamun dan ekstremis parti-parti pembangkang.

"Memang kita akui orang ramai lebih sedap mendengar ceramah-ceramah pembangkang sampai ternganga-nganga. Mereka boleh buat janji-janji yang bukan-bukan, fitnah dan sebagainya. Ini bukan budaya kita," katanya.

"Cara mereka adalah ekstrem dan fanatik. Kita tidak suka menghukum orang lain. Cara kita lebih halus, inilah perbezaan antara kita dengan parti-parti lawan," katanya.

Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata Pengerusi BN dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengarahkan semua ahli BN supaya menemui secara peribadi atau berinteraksi dengan setiap ahli parti-parti komponen sebelum pilihan raya umum diadakan.

Katanya BN kini mempunyai 4.8 juta anggota dengan anggota Umno sahaja berjumlah 2.7 juta, atau 52 peratus jumlah pemilih berdaftar di negara ini.

"Kita adalah kuasa yang disegani berdasarkan bilangan anggotanya. Kita sudah menjadi parti yang besar," katanya.

Khalil berkata BN kali ini tidak akan menunggu sehingga senarai nama calonnya diumumkan barulah mengerakkan jentera pilihan raya, seperti yang pernah berlaku pada pilihan raya sebelum ini.

"Ada sesetengah kawasan tunggu calon baru mengerakkan jentera pilihan rayanya. Yang bertanding ialah parti bukan nama individu.

"Bagi BN, yang bertanding ialah "dacing" (simbol BN) dan jentera pilihan raya harus digerakkan tanpa menunggu nama calon diumumkan," kata Khalil yang memberi satu lagi tanda bahawa pilihan raya akan diadakan dalam sedikit masa lagi.

Khalil bercakap panjang lebar mengenai pentingnya konsep "bilik gerakan" dalam menghadapi pilihan raya, kerana, menurutnya, pilihan raya umum samalah seperti "peperangan" yang memerlukan perancangan dan strategi, bilik operasi, panglima pemerintah, panglima wilayah dan peralatan seperti roket dan kereta kebal".

Beliau menyifatkan ini sebagai amat penting untuk "formula kemenangan" yang sedang diperlengkapkan oleh BN, yang menurut Khalil, "yakin akan dapat mengekalkan majoriti dua-pertiganya" dalam pilihan raya umum nanti.

Pada pilihan raya kali ini, Khalil juga mahu mengelakkan pertindihan dalam operasi bilik gerakan BN, dengan tumpuan diberikan kepada satu bilik gerakan sahaja di satu-satu kawasan pilihan raya.

"Bayangkanlah, kalau ada lima parti komponen yang aktif dalam satu-satu kawasan itu, kita ada lima bilik gerakan. Ini merugikan dari segi kos dan tenaga pekerja.

"Kali ini aktiviti akan tertumpu kepada bilik gerakan Umno yang sudahpun serba lengkap sebagai bilik gerakan BN," kata Khalil yang mengakui bahawa pada setiap pilihan raya umum, sebahagian besar kos operasi BN di tanggung oleh Umno.

Konvensyen empat hari itu akan berakhir esok dengan syarahan perdana oleh Dr Mahathir.

-- BERNAMA

AU LAT